



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,
Menara Kinabalu,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: JBNS: 100-4/10 JLD.(6)/(99)

Tarikh : 26 Jun 2023

Semua Pejabat Pemungut

Semua Bendahari Cawangan

Semua Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS)

Seksyen Pengurusan Dana, Bahagian Operasi Pusat
Jabatan Bendahari Negeri

YBhg Datuk/Datin/Tuan/Puan,

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BILANGAN 7/2023 TATACARA MENGAKAUN TERIMAAN PADA PENGHJUNG TAHUN KEWANGAN

1.0 TUJUAN

Surat pekeliling ini bertujuan untuk mengakaunkan kesemua terimaan sama ada hasil atau bukan hasil yang diterima secara tunai ataupun melalui transaksi kredit di dalam akaun bank pada hari terakhir bekerja pada tahun kewangan semasa.

2.0 TATACARA MENGAKAUNKAN TERIMAAN PADA HARI TERAKHIR BEKERJA PADA TAHUN KEWANGAN SEMASA

2.1 Semua terimaan tunai yang telah diresitkan tetapi tidak dapat dibankkan dalam tahun semasa hendaklah dimasukkan ke akaun bank pada hari pertama bekerja tahun baharu dan diiktiraf sebagai terimaan tahun semasa.

2.2 Terimaan yang telah dikreditkan terus melalui akaun bank;

2.2.1 Butiran terimaan yang tidak dapat dikenalpasti pada hari terakhir bekerja tahun kewangan semasa **hendaklah** diresitkan di bawah kod K79 (Revenue Collectors Clearance Account). Pekeliling ini membenarkan sejumlah baki dibawa ke tahun kewangan berikutnya dengan memberi pengecualian ke atas tatacara dan syarat di dalam Arahan Amanah yang mengarahkan untuk akaun ini dikosongkan pada penghujung bulan Disember.

...2/-



“SABAH MAJU JAYA”



Rujukan: JBNS: 100-4/10 JLD.(6)/(99)

Tarikh : 26 Jun 2023

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BILANGAN 7/2023 TATACARA MENGAKAUN
TERIMAAN PADA PENGHJUJUNG TAHUN KEWANGAN**

-2-

- 2.2.2 Baki di bawah kod K79 akan diiktiraf sebagai Wang Dalam Perjalanan (Cash in Transit) di dalam Penyata Kewangan.
- 2.2.3 Amaun yang dikreditkan ke dalam K79 bagi para 2.2.1 hendaklah diselaraskan keseluruhannya ke akaun yang sepatutnya dalam tempoh sebulan pada tahun kewangan baharu.

3.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa serta-merta.

- 4.0 Sebarang kemosykilan mengenai pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung dengan Bahagian Operasi Pusat, Jabatan Bendahari Negeri untuk keterangan lanjut.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATIN MARY ANGELA SIPAUN C.A.(M), FCPA(A), ASEAN CPA)
Bendahari Negeri Sabah

JG/DMAS/DSS/SA

“SABAH MAJU JAYA”